

Tahap Kefahaman Mengenai Kenyataan Berbau Kebencian di Media Sosial dalam Kalangan Masyarakat Malaysia

Level of Understanding Regarding Hate Speech on Social Media within Malaysians

Ku Hasnita Ku Samsu^{1*}, Mohd Mahadee Ismail², Lee Yok Fee³, Ratna Roshida Ab Razak⁴, Arfah Ab Majid⁵, Mohd Sabri Md. Nor⁶ & Zatul Himmah Adnan⁷

^{1,2,3,4,5,6,7} Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;

Article progress

Received: 5 September 2024

Accepted: 6 November 2024

Published: 30 November 2024

*Corresponding author:

Ku Hasnita Ku Samsu, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;
Email: hasnita@upm.edu.my

Abstrak: Fenomena penyebaran ucapan berbau kebencian di media sosial semakin berleluasa dari semasa ke semasa seolah-olah para pelaku tidak memahami konteks ucapan berbau kebencian dan implikasinya terhadap keharmonian negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap kefahaman masyarakat Malaysia terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial yang boleh menjadi ancaman serius terhadap kestabilan sosial dan keselamatan negara. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang melibatkan pengaplikasian teknik perbincangan kumpulan berfokus (FGD) telah dijalankan untuk membangunkan instrumen kajian. Kaedah kuantitatif pula dilaksanakan melalui teknik tinjauan yang melibatkan 907 responden dari seluruh negeri di Malaysia. Para responden terdiri daripada pengguna media sosial, mencakupi pelbagai etnik dan agama berdasarkan kepada pensampelan rawak bersistematik. Selain itu, dapatan kajian ini diperkukuhkan dengan data yang diperoleh melalui teknik temu bual. Secara keseluruhan, hasil kajian mendedahkan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai tahap kefahaman yang tinggi mengenai kenyataan berbau kebencian. Walau bagaimanapun, terdapat variasi dalam tahap kefahaman terhadap pelbagai aspek kenyataan berbau kebencian. Dalam hal ini, penemuan kajian ini bukan sekadar menyumbang kepada literatur sedia ada, tetapi juga turut membuka ruang kepada pendekatan inovatif oleh pihak bertanggungjawab dalam menangani kenyataan berbau kebencian secara lebih bersasar bagi memastikan kestabilan dan keharmonian sosial dalam negara yang berbilang kaum dan agama terpelihara.

Kata kunci: kenyataan berbau kebencian, keselamatan negara, perpaduan, media sosial, tahap kefahaman

Abstract: The spread of hate speech on social media is becoming increasingly widespread, as if the perpetrators do not understand the context of hate speech and its implications for national harmony. Therefore, this study aims to examine the level of understanding among Malaysians regarding hate speech on social media, which can pose a serious threat to social stability and national security. This study employs a mixed-methods research approach, combining both qualitative and quantitative methods. The qualitative method involved the application of focus group discussion (FGD) techniques to develop the research instrument. The quantitative method was conducted through a survey involving 907 respondents from across Malaysia. The respondents consisted of social media users from various ethnicities and religions, based on systematic random sampling. Additionally, the findings of this study are reinforced by data obtained

through interview. Overall, the results reveal that Malaysians have a high level of understanding regarding hate speech. However, there are variations in the level of understanding concerning different aspects of hate speech. In this regard, the findings of this study not only contribute to the existing literature but also open the door to innovative approaches by relevant authorities in addressing hate speech more effectively to ensure the stability and social harmony of a multiethnic and multireligious nation are preserved.

Keywords: hate speech, national security, unity, social media, level of understanding;

Pengenalan

Pelbagai bentuk perubahan telah dilalui oleh masyarakat multi-etnik Malaysia kesan daripada pemodenan, perindustrian, perbandaran, globalisasi, aktiviti migrasi, perkembangan teknologi maklumat dan informasi, dan pelbagai lagi perkembangan kontemporari. Perubahan masyarakat ini bukan sahaja membawa pelbagai cabaran baharu dalam realiti kehidupan tetapi turut membawa impak langsung kepada hubungan antara etnik dan agama (Esa et al., 2021). Antara cabaran utama yang bersifat kontemporari khususnya menerusi penggunaan teknologi maklumat dan informasi ialah penyebaran kenyataan berbau kebencian yang semakin serius (Fernández & Johan Farkas, 2021).

Isu berkaitan kenyataan berbau kebencian bukan sahaja menjadi perhatian di Malaysia, tetapi turut menjadi tumpuan utama di peringkat global. Hal ini kerana kenyataan berbau kebencian boleh memberi kesan negatif kepada keselamatan sesebuah negara, sekali gus dapat menjejaskan keharmonian masyarakat (Ismail, 2020; Zamri et al., 2023). Peningkatan ekstremisme dan keganasan boleh berlaku sekiranya kenyataan berbau kebencian tidak dibendung. Hal ini dapat dibuktikan melalui kes tembakan rambang di El Paso (U.S Department of Justice, 2023) dan Buffalo di Amerika Syarikat (Nakamura, 2023), kes tembakan rambang di Christchurch di New Zealand (Macklin, 2019), pengeboman gereja di Sri Lanka (Wordpress, 2019) dan Bali, Indonesia (Rahim et al., 2022), tembakan rambang rumah ibadat Yahudi Sinagog di Eropah dan sebagainya. Sehubungan itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengambil tindakan dengan merangka *Strategy and Plan of Action on Hate Speech* bagi mengatasi isu ini agar keselamatan dan keamanan sejagat terpelihara.

Malaysia tidak terkecuali daripada isu sedemikian. Situasi ini dapat ditelusuri melalui laporan *The Centre of Independence Journalism* (CIJ) yang merekodkan sebanyak 45,404 kandungan media sosial mengandungi

kenyataan berbau kebencian semasa Pilihan Raya Umum ke-15 (Mokhtar, 2023). Keadaan tersebut sekiranya tidak dikawal dengan rapi boleh mencetuskan pelbagai masalah kepada negara dari aspek kestabilan sosial dan keselamatan (Walker, 2023). Hal ini berkait rapat dengan penggunaan strategi politik berdasarkan ketakutan (*politics of fear*) yang telah digunakan oleh sesetengah ahli politik dan pengikut mereka untuk mempengaruhi pengundi muda khususnya menerusi platform media sosial (Jalli, 2024; SKMM, 2022). Ucapan yang menanam perasaan takut serta benci ini akan membuka jurang perbezaan yang lebih besar, menimbulkan salah faham dan persepsi negatif dalam masyarakat multi-etnik (Hoi & Joh, 2023). Umpamanya, penuluran kandungan berkaitan kejadian 13 Mei 1969 telah menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat sehingga platform media sosial TikTok memberi jaminan untuk melindungi netizen daripada kesan buruk akibat daripada kenyataan berbau kebencian tersebut (Zamri et al, 2023; The Centre, 2019). Selain itu, rekod Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memaparkan isu berkaitan 3R (kaum, agama dan raja) telah menguasai aduan utama mutakhir ini. Dilaporkan terdapat sebanyak 1,454 kandungan yang menyentuh isu kaum, agama dan raja (3R) antara Januari hingga Mac pada tahun ini (Bernama, 2024). Menurut Timbalan Menteri Komunikasi, YB Puan Teo Nie Ching, daripada jumlah tersebut, ucapan kebencian yang berkaitan dengan agama mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 727 kandungan, diikuti dengan isu berkaitan kaum sebanyak 588 kes dan institusi diraja sebanyak 139 kes (Bernama, 2024). Pecahan statistik kandungan berkaitan 3R yang paling tinggi dikesan adalah menerusi *Facebook* dengan 731 kes, diikuti aplikasi *TikTok* sebanyak 705 kes, Aplikasi X (sebelum ini dikenali sebagai *Twitter*) sembilan (9) kes, *YouTube* lima (5) kes dan *Telegram* empat (4) kes (Bernama, 2024). Sehubungan itu, implikasi negatif dalam isu-isu seperti ini perlu diambil perhatian serius oleh pihak pemerintah.

Pada dasarnya, kesalahan yang berkaitan dengan pengucapan kenyataan berbau kebencian boleh didakwa

di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588); dan Akta Hasutan 1948 (Akta 15) (Ariffin et al., 2021). Namun, kedua-dua akta sedia ada ini pada hakikatnya adalah tidak spesifik, terlalu umum dan kurang difahami oleh orang awam. Hal ini menimbulkan kesukaran kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan bagi mengatasi isu tersebut. Justeru, bagi memastikan keharmonian dan ketenteraman negara terjamin, akta atau undang-undang yang lebih spesifik atau bersasar perlu digubal dengan segera oleh pihak kerajaan bagi menangani sebarang isu berkaitan kenyataan berbau kebencian (Hakim, 2023; Kok, 2023; Hoi & Joh, 2023). Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dilaksanakan, masih belum terdapat kajian khusus untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Malaysia mengenai kenyataan berbau kebencian. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan secara komprehensif untuk meneliti perkara tersebut.

Takrif Kenyataan Berbau Kebencian

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan ucapan atau kenyataan berbau kebencian sebagai “sebarang jenis komunikasi dalam pertuturan, penulisan atau tingkah laku, yang menyerang atau menggunakan bahasa yang merendahkan atau mendiskriminasi seseorang individu atau kumpulan berdasarkan siapa mereka, dengan kata lain, berdasarkan agama, etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna kulit, keturunan, jantina, atau faktor identiti mereka” (United Nations, n.d.). Terdapat tiga ciri utama dalam memahami kenyataan berbau kebencian:

- (i) Ucapan kebencian termasuk ungkapan lisan dan bukan lisan, dan boleh disebarkan sama ada di luar mahupun dalam talian.
- (ii) Ucapan kebencian adalah bersifat “diskriminatif” (seperti berat sebelah, taasub, tidak bertolak ansur), atau “pejoratif” (seperti prejudis, menghina, merendahkan maruah) terhadap individu atau sekumpulan orang.
- (iii) Pertuturan kebencian merujuk kepada “faktor identiti” sebenar, dikatakan atau dipersalahkan bagi individu atau sekumpulan orang dalam erti kata yang luas, termasuk agama, etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna kulit, keturunan, jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan, sosial atau asal ekonomi dan sebagainya (United Nations, n.d.).

Di bawah undang-undang antarabangsa, terdapat tiga kategori utama kenyataan berbau kebencian yang melibatkan aspek berikut;

- (i) **Ucapan yang mesti dilarang:** Ucapan kebencian yang sama dengan hasutan diskriminasi, permusuhan atau keganasan mesti dilarang di bawah Perkara 20(2) Konvensyen Antarabangsa mengenai Hak Politik dan Sivil (ICCPR) yang menyatakan bahawa “sebarang advokasi kebencian negara, ras (kaum) atau agama yang merupakan hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan hendaklah dilarang oleh undang-undang” (Article 19, 2023).

Pelan Tindakan Rabat mengenai larangan advokasi kebencian terhadap sesebuah negara, ras (kaum) atau agama yang boleh membentuk hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan telah diterima pakai pada tahun 2012 dan termasuk dalam kesimpulan serta cadangan untuk memerangi ucapan yang melanggar Perkara 20 ICCPR (Article 19, 2023). Dalam hal ini, ujian enam (6) faktor Pelan Tindakan Rabat tersebut telah menentukan sama ada sesuatu kenyataan itu berada di bawah kategori pertama ini atau tidak berdasarkan elemen berikut;

- Sama ada konteks sosial dan politik yang kondusif kepada keganasan.
- Pengaruh penutur.
- Niat penutur untuk menghasut keganasan.
- Isi dan bentuk ekspresi.
- Tahap keseriusan sesuatu ekspresi.
- Kemungkinan berlakunya keganasan, diskriminasi atau permusuhan sebagai akibat langsung daripada ekspresi tersebut (Article 19, 2023).

Sekatan ke atas sesuatu ekspresi di bawah Perkara 20(2) ICCPR juga mesti mematuhi undang-undang, mempunyai matlamat yang sah, dan perlu di bawah Perkara 19(3) ICCPR.

- (ii) **Ucapan yang mungkin dilarang:** Bentuk ucapan kebencian lain, termasuk ancaman keganasan, gangguan dan serangan mungkin dilarang selagi sekatan yang melarangnya memenuhi ujian tiga (3) bahagian di bawah Perkara 19(3) ICCPR. Ucapan tersebut mestilah:

- Diperuntukkan oleh undang-undang.
- Dalam usaha mencapai matlamat yang sah.
- Mesti perlu dan seimbang dalam masyarakat demokratik (Article 19, 2023).

- (iii) **Ucapan sah yang mesti dilindungi daripada sekatan:** Semua bentuk ekspresi atau ungkapan selain yang disebutkan dalam dua kategori di atas harus dilindungi. Ekspresi atau ucapan kebencian yang mungkin menyinggung perasaan tetapi tidak memenuhi kriteria di atas tidak boleh dihadkan di

bawah undang-undang antarabangsa. Ini termasuklah menghujah; ekspresi menentang negara dan pegawai awam; dan fitnah (Article 19, 2023).

Berdasarkan kepada tiga kriteria utama Article 19 seperti yang termaktub dalam ICCPR, ternyata sudah wujud garis panduan umum di bawah undang-undang antarabangsa tentang sesuatu kenyataan yang boleh dikaitkan dengan kebencian. Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia masih terdapat kelompangan ketara tafsiran tentang fasal (iii) Article 19 di mana terdapat ucapan sah yang mungkin menyinggung perasaan tetapi tidak tertakluk di bawah undang-undang antarabangsa tersebut. Kekeliruan tersebut menyebabkan berlaku salah tanggapan antara “*freedom of speech*” atau “*hate speech*”. Perkara ini cukup signifikan memandangkan masih belum terdapat undang-undang khusus dalam membendung sesuatu kenyataan berbaur kebencian di Malaysia.

Sehubungan itu, keadaan ini menjadi cabaran utama dalam memahami dan menangani kenyataan yang boleh dianggap sebagai berbaur kebencian. Kadangkala, pihak berkuasa sukar untuk menentukan sama ada sesuatu paparan media sosial mengandungi elemen kebencian atau sebaliknya. Terdapat kemungkinan isu kecil yang dibangkitkan di media sosial dapat mencetuskan kenyataan berbaur kebencian, sehingga mengganggu emosi dan pemikiran orang lain. Malah, terdapat juga isu besar yang berkemungkinan memberi impak besar dalam konteks penyebaran kenyataan berbaur kebencian, namun tidak berlaku seperti yang diandaikan. Dalam banyak keadaan, kenyataan berbaur kebencian yang berkisar tentang penghinaan dan fitnah serta menyinggung perasaan pihak tertentu secara relatifnya adalah tidak berbahaya, tidak menghasut keganasan secara terang-terangan, tidak menyebabkan serangan keganasan, serta tidak membawa kepada pembunuhan (Neshkovska & Trajkova, 2018). Akibatnya, masyarakat sering kali berdepan dengan pertembungan antara realiti dan persepsi yang dibentuk oleh media sosial. Kenyataan berbaur kebencian yang kebiasaannya bermula melalui dalam talian boleh mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu dan akhirnya boleh mencetuskan permusuhan atau jenayah kemanusiaan yang tidak terkawal. Lantaran itu, tindakan segera dan efektif dalam memantau dan menguruskan isu yang menyentuh sensitiviti awam di media sosial perlu dilakukan dengan bijak dan berhati-hati, seumpama “menarik rambut dalam tepung supaya rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak”.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana seperti Waldron (2012), Delgado (1982) dan Matsuda (1989) menyimpulkan bahawa kenyataan berbaur kebencian dapat menyebabkan individu merasa terhina dan takut. Malah, situasi sedemikian boleh merampas hak asasi individu dari segi keselamatan dan maruah diri. Pada peringkat makro, terdapat juga penyelidik berpendapat bahawa kenyataan berbaur kebencian boleh membangkitkan tekanan dalam kalangan anggota masyarakat, mengganggu ketenteraman awam, keamanan dan keharmonian dalam sesebuah negara.

Selain itu, Farhana (2024) menjelaskan bahawa kenyataan berbaur kebencian boleh membawa ketegangan yang serius antara masyarakat berlainan etnik dan agama. Hal ini boleh membawa kepada tindakan jenayah yang berlaku di antara dua kumpulan berbeza untuk dilabelkan sebagai mempunyai motif etnik atau agama. Senario ini juga dapat ditelusuri menerusi kes rusuhan 2018 di sebuah kuil Hindu yang mengakibatkan rusuhan, kecederaan dan kematian seorang anggota bomba yang bertugas (Hazlin, 2019). Terdapat juga akhbar yang melaporkan beberapa insiden keganasan melibatkan pembakaran gereja, penodaan simbol agama dan tempat-tempat ibadah seperti tindakan menghina al-Quran dan masjid (Mohamed Farid, 2020; Hafiz, 2010). Keadaan ini menyebabkan undang-undang perlu dikuatkuasakan dan hukuman setimpal sepatutnya dikenakan demi mengawal situasi ini agar kebebasan suara tidak disalahgunakan yang boleh mencetuskan ketegangan etnik-agama.

Walaupun undang-undang memainkan peranan penting dalam mengawal kebebasan bersuara daripada melampaui batasan yang sah, masyarakat terus mengambil mudah tentang isu ini, terutamanya kenyataan berbaur kebencian yang dilakukan secara maya melalui media sosial. Kebanyakan rakyat memilih untuk mengetepikan kepekaan mereka terhadap orang lain atas dasar hak kebebasan bersuara. Sebagai contoh, peristiwa sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menunjukkan sentimen kebencian telah ditularkan dalam kalangan rakyat, terutama menerusi media sosial sehingga menjejaskan ketenteraman awam, kestabilan politik dan keselamatan negara. Dalam konteks ini, kebanyakan negara telah berusaha untuk memerangi kenyataan berbaur kebencian. Umpamanya menurut Multicultural NSW (2023) antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti penggubalan undang-undang anti-rasisme, pelancaran kempen “*Remove Hate from the Debate*” di Australia dan lain-lain. Namun, Malaysia agak terkebelakang sedikit berbanding dengan usaha negara-negara lain. Hal ini kerana kerangka pencegahan

kenyataan berbau kebencian yang sedia ada di Malaysia lebih cenderung kepada pelaksanaan undang-undang jenayah semata-mata. Tambahan pula, Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 (Akta 588); dan Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang sedia ada adalah tidak spesifik dan menyukarkan pihak berkuasa mengambil tindakan. Malah, kebanyakan orang awam juga kurang faham dengan undang-undang yang sedia ada.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (2019) menjelaskan dalam Strategi dan Rancangan Tindakan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa kenyataan berbau kebencian merujuk kepada sebarang jenis komunikasi dalam bentuk lisan, penulisan atau tingkah laku yang menyerang atau menggunakan bahasa untuk merendahkan atau diskriminatif berkaitan dengan seseorang atau kumpulan berdasarkan kepada 'siapa mereka'. Hal ini biasanya dikaitkan dengan faktor agama, etnik, bangsa, keturunan, jantina atau faktor identiti lain.

Kajian Tontodimamma et al. (2020) menjelaskan bahawa kenyataan berbau kebencian adalah kenyataan awam yang secara sengaja dilakukan, bertujuan untuk menghina satu kumpulan manusia. *The European Commission Against Racism and Intolerance* (2016) juga menyebut bahawa kenyataan berbau kebencian timbul kebencian dan penghinaan terhadap "seseorang" yang kebiasaannya tergolong dalam sesuatu kumpulan tertentu. Kenyataan berbau kebencian merangkumi beberapa kriteria seperti bangsa, warna kulit, agama, etnik atau bangsa, jantina dan identiti seksual atau orientasi mereka.

Howard (2019) pula menghuraikan terminologi kenyataan berbau kebencian mempunyai kepelbagaian makna dalam definisi. Hal ini kerana, istilah ini bukan sekadar merujuk kepada ungkapan yang meluahkan perasaan kebencian, namun merangkumi pelbagai dimensi yang berkaitan dengan tindakan menzahirkan rasa benci yang dianggap serius. Jika dilihat makna dari perspektif kesenian, kenyataan berbau kebencian merujuk kepada sesuatu pernyataan yang mempunyai elemen kebencian terhadap individu atau kumpulan tertentu dan dalam konteks tertentu. Ciri-ciri kenyataan berbau kebencian meliputi aspek yang ditujukan khusus kepada individu tertentu, sama ada dikenali atau tidak dikenali, dan juga kepada kumpulan individu berdasarkan kepada ciri-ciri yang tertentu (Zamri et al., 2023). Kambol (2023) menambah bahawa sasaran kenyataan berbau kebencian memfokuskan kepada kelompok tertentu secara tersirat atau nyata, seterusnya menyifatkan kelompok tersebut dengan sifat-sifat yang dianggap tidak diinginkan. Pelontar ungkapan kebencian menganggap bahawa kewujudan kumpulan sasaran adalah tidak diinginkan dan hanya layak dijadikan bahan permusuhan.

Kenyataan berbau kebencian juga dapat dikaitkan dengan ungkapan yang menyentuh isu sensitif yang berkaitan dengan konsep 3R iaitu kaum, agama dan raja. Ketiga-tiga elemen tersebut merupakan isu sensitif yang sering mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam konteks ini, sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian agama dan kepercayaan, isu-isu yang merujuk kepada agama sering menjadi titik sentuh sensitif dalam kalangan masyarakat. Keharmonian antara penganut agama yang berbeza merupakan asas kepada kesejahteraan, keamanan, perpaduan dan kesepaduan sosial. Oleh yang demikian, isu seperti toleransi antara agama dan hak kebebasan beragama memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni. Pada masa yang sama, isu berkaitan dengan bangsa dan etnik sering kali menjadi isu sensitif yang boleh mempengaruhi kestabilan dan keharmonian sosial (Ismail, 2020).

Dalam hal ini, masyarakat perlu memahami akan kepentingan menjaga perpaduan antara etnik dengan cara menghormati hak asasi setiap individu tanpa mengira keturunan serta mengelak sikap diskriminasi yang dapat merosakkan hubungan antara komuniti. Selain itu, pemeliharaan martabat institusi beraja merupakan tanggungjawab bersama bagi memastikan kestabilan politik dan perpaduan negara terjamin (Yusof & Hassan, 2020). Oleh yang demikian, perdebatan dan perbincangan isu-isu sensitif yang berkaitan dengan 3R perlu dilakukan secara beradab dan menghormati hak kebebasan bersuara.

Aspek kefahaman masyarakat terhadap kenyataan berbau kebencian adalah isu yang kompleks dan dapat dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antara faktor umum yang dapat menimbulkan kenyataan berbau kebencian adalah perbezaan seperti agama, etnik dan lain-lain faktor. Dalam hal ini, pengaruh media massa yang sangat kuat dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap berbagai isu, termasuk kenyataan berbau kebencian dapat menyumbang kepada informasi yang tidak seimbang. Situasi sebegini dapat mencetuskan sensasi, sekali gus memburukkan lagi keadaan dan membawa sentimen negatif dalam masyarakat (Mayasari & Cahya, 2021).

Kajian Nielsen dan Graves (2017) mendedahkan bahawa perspektif orang ramai terhadap berita palsu adalah melibatkan kesedaran mereka terhadap ciri-ciri kandungan berita palsu tersebut yang merangkumi lima ciri utama, iaitu satira, unsur kewartawanan yang lemah, bersifat propaganda, iklan penipuan di laman web dan berita salah. Dalam skop politik kebencian di media sosial, berita palsu merupakan salah satu aspek yang diklasifikasikan sebagai hantaran yang berbau politik kebencian (Kasim et al., 2022; Khan et al., 2023).

Dalam hal ini, kefahaman masyarakat terhadap ucapan berbau kebencian adalah penting bagi memastikan mereka terhindar daripada melontar ungkapan sedemikian terutamanya melalui media sosial yang boleh menggugat keharmonian masyarakat. Namun, sehingga kini belum ada kajian mendalam yang dapat mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat mengenai perkara tersebut. Lantaran itu, usaha untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat pelbagai etnik berkaitan kenyataan berbau kebencian bersifat etnik-agama di Malaysia amat diperlukan. Dapatan kajian ini boleh digunakan dalam membangunkan mekanisme pencegahan kenyataan berbau kebencian secara lebih menyeluruh dan efektif.

Metodologi Kajian

Bagi merealisasikan kajian ini, gabungan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif telah dijalankan. Kaedah kualitatif dilaksanakan melalui teknik perbincangan kumpulan berfokus (FGD) yang melibatkan dua sesi untuk membangunkan instrumen kajian. Para informan yang terlibat dalam FGD pertama ialah seramai lima orang iaitu ahli akademik (Informan A), anggota Polis Di Raja Malaysia (Informan B), wartawan (Informan C), belia (Informan D) dan pegawai daripada Kementerian Perpaduan Negara (Informan E). FGD kedua turut melibatkan lima orang iaitu ahli akademik (Informan F), anggota Polis Diraja Malaysia (Informan G), belia (Informan H), aktivis masyarakat (Informan I) dan wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO) (Informan J). Tujuan pelaksanaan FGD kali kedua adalah sebagai pengukuhan bagi FGD kali pertama agar instrumen kajian yang dibentuk bertepatan dengan objektif kajian.

Setelah instrumen kajian berjaya dibangunkan dalam bentuk borang soal selidik, kaedah kuantitatif pula diaplikasi melalui teknik tinjauan bagi mendapatkan data berkenaan tahap kefahaman masyarakat Malaysia mengenai kenyataan berbau kebencian di media sosial. Borang soal selidik telah diedarkan kepada warganegara Malaysia yang bermastautin di Blok Penghitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) yang melibatkan responden berusia 18 tahun dan ke atas. Para responden terdiri daripada pengguna media sosial, mencakupi pelbagai etnik dan agama berdasarkan kepada pensampelan rawak bersistematik (*systematic random sampling*). Selain itu, kriteria pemilihan responden turut melibatkan perbezaan kumpulan pendapatan (gaji atau upah) tetapi bergantung kepada taburan BP dan TK yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Para pengkaji telah berjaya mengunjungi kesemua 40 BP dan 480 TK yang telah ditetapkan dan jumlah keseluruhan data kajian yang berjaya diperolehi ialah sebanyak 907 responden.

Seterusnya, data kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Data kajian telah dianalisis secara diskriptif untuk mendapatkan peratusan dan nilai min bagi mencapai objektif kajian. Dapatan kajian kuantitatif seterusnya diperkuatkan dengan data yang diperolehi melalui teknik temu bual dengan beberapa orang informan FGD.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian ini melibatkan latar belakang responden dan tahap kefahaman masyarakat terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial.

Latar Belakang Demografi Responden

Perbincangan ini adalah melibatkan dimensi umur, etnik dan agama responden seperti di dalam Jadual 1. Dalam hal ini, responden paling ramai berada dalam kategori umur di antara 26 tahun sehingga 30 tahun, iaitu seramai 169 (18.6%), diikuti dengan kategori responden yang berumur 36 tahun hingga 40 tahun iaitu sejumlah 144 (15.9%) orang. Bilangan responden yang paling sedikit adalah terdiri daripada golongan yang berumur 66 tahun dan ke atas iaitu seramai 29 (3.2%) orang. Secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur di antara 18 tahun sehingga 40 tahun, iaitu sebanyak 68.9 peratus. Dalam konteks Malaysia terdapat dua definisi umur belia, iaitu 15 hingga 40 tahun dan 15 hingga 30 tahun. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhammad menjelaskan bahawa had umur belia sekarang masih lagi 40 tahun sehinggalah dikuatkuasakan perubahannya nanti. Sebelum ini tiada akta yang mendefinisikan had umur bagi belia. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah bersetakat mendefinisikan umur belia adalah 15 hingga 40 tahun selepas Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 688) diperkenalkan. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah mengumumkan bahawa pelaksanaan had umur belia 30 tahun akan dimulakan pada 1 Januari 2026, selepas pewartaan dan pelaksanaan had umur belia yang baharu.

Responden daripada kumpulan etnik Melayu dalam kajian ini adalah seramai 476 (52.5%) orang, diikuti etnik Cina seramai 168 (18.5%) responden, etnik India seramai 124 (13.7%) responden, Bumiputera Sabah seramai 85 (9.4%) responden dan Bumiputera Sarawak pula seramai 54 (6.0%) responden. Berdasarkan taburan responden mengikut kategori kumpulan etnik, kajian ini telah berjaya mencapai sasaran 67.9 peratus responden dari kumpulan Melayu Bumiputera. Pencapaian ini hampir setara dengan nisbah keseluruhan penduduk

Malaysia, iaitu etnik Melayu Bumiputera sebanyak 68.6 peratus, etnik Cina 23.4 peratus, etnik India 7.0 peratus dan lain-lain 1.0 peratus. Namun begitu, kajian ini telah mencapai sasaran kumpulan responden etnik India melebihi daripada nisbah keseluruhan etnik India di Malaysia.

Dari aspek agama, majoriti responden kajian ini beragama Islam, iaitu seramai 548 (60.5%) orang, beragama Buddha seramai 158 (17.4%) responden, beragama Hindu seramai 118 (13.0%) responden, beragama Kristian seramai 81 (8.9%) responden dan beragama Sikh seramai 2 (0.2%) responden. Taburan responden mengikut kategori agama ini juga hampir selari dengan nisbah taburan agama penduduk di Malaysia.

Jadual 1. Latar belakang responden berdasarkan dimensi umur, etnik dan agama

| | Demografi | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|--------------|----------------------|---------------------|--------------------|
| Umur | 18-20 Tahun | 72 | 7.9 |
| | 21-25 Tahun | 120 | 13.2 |
| | 26-30 Tahun | 169 | 18.6 |
| | 31-35 Tahun | 121 | 13.3 |
| | 36-40 Tahun | 144 | 15.9 |
| | 41-45 Tahun | 64 | 7.1 |
| | 46-50 Tahun | 61 | 6.7 |
| | 51-55 Tahun | 48 | 5.3 |
| | 56-60 Tahun | 35 | 3.9 |
| | 61-65 Tahun | 44 | 4.9 |
| | 66 Tahun dan ke atas | 29 | 3.2 |
| | Jumlah | 907 | 100.0 |
| Etnik | Melayu | 476 | 52.5 |
| | Cina | 168 | 18.5 |
| | India | 124 | 13.7 |
| | Bumiputera Sarawak | 54 | 6.0 |
| | Bumiputera Sabah | 85 | 9.4 |
| | Jumlah | 907 | 100.0 |
| Agama | Islam | 548 | 60.5 |
| | Buddha | 158 | 17.4 |
| | Hindu | 118 | 13.0 |
| | Kristian | 81 | 8.9 |
| | Sikh | 2 | 0.2 |
| | Jumlah | 907 | 100.0 |

Kajian ini melibatkan responden daripada setiap negeri di Malaysia berasaskan kepada ‘tempat tinggal sekarang’ seperti di Jadual 2. Daripada jumlah keseluruhan 907 responden, majoriti tinggal di negeri Selangor iaitu sejumlah 163 (18.0%) orang, diikuti seramai 94 (10.4%) responden dari negeri Johor. Jumlah responden yang paling sedikit adalah daripada Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu seramai 12 (1.3%) orang.

Jadual 2. Taburan Responden Berdasarkan Negeri Tempat Tinggal Sekarang

| Negeri Tempat Tinggal Sekarang | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|---------------------------------------|---------------------|--------------------|
| Johor | 94 | 10.4 |
| Melaka | 38 | 4.2 |
| Pahang | 44 | 4.9 |
| Negeri Sembilan | 46 | 5.1 |
| Selangor | 163 | 18.0 |
| Perak | 68 | 7.5 |
| Terengganu | 45 | 5.0 |
| Kelantan | 64 | 7.1 |
| Pulau Pinang | 69 | 7.6 |
| Kedah | 71 | 7.8 |
| Perlis | 24 | 2.6 |
| Sabah | 71 | 7.8 |
| Sarawak | 48 | 5.3 |
| WP Kuala Lumpur | 24 | 2.6 |
| WP Labuan | 26 | 2.9 |
| WP Putrajaya | 12 | 1.3 |
| Jumlah | 907 | 100.0 |

Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Kenyataan Berbaur Kebencian

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif tahap kefahaman responden terhadap kenyataan berbaur kebencian di media sosial. Sebanyak 26 item telah digunakan untuk mengukur tahap kefahaman responden berdasarkan purata serta sisihan piawai dan juga skala sela 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Asasnya, nilai min yang paling tinggi menunjukkan tahap kefahaman responden yang paling tinggi terhadap sesuatu kenyataan berbaur kebencian yang diukur. Secara keseluruhannya, nilai min bagi tahap kefahaman keseluruhan adalah pada nilai 3.87 iaitu pada tahap tinggi. Spesifiknya, dapatan kajian menunjukkan hanya sebahagian kecil responden mempunyai tahap kefahaman yang sangat tinggi. Nilai min yang paling tinggi adalah pada nilai 4.20, iaitu merujuk kepada kenyataan berbaur kebencian yang bertujuan untuk menimbulkan kemarahan pihak lain, memalukan pihak lain dan mencela pihak tertentu. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden memiliki tahap kefahaman yang tinggi terhadap kenyataan berbaur kebencian di media sosial. Manakala, nilai min yang paling rendah pula adalah pada nilai min 3.57 iaitu kenyataan berbaur kebencian berkaitan dengan penghinaan terhadap institusi raja. Meskipun nilai min tersebut adalah paling rendah, namun ia masih lagi berada dalam kategori tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap sesuatu kenyataan berbaur kebencian.

Sehubungan itu, dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya tahap kefahaman sebahagian besar responden terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial berada pada tahap tinggi, manakala sebilangan responden lagi mencatatkan tahap kefahaman pada aras yang sangat tinggi. Dalam konteks ini, tiada seorang pun responden yang mempunyai tahap kefahaman sederhana, rendah dan sangat rendah terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial. Situasi ini menjelaskan bahawa pada dasarnya, masyarakat Malaysia sememangnya mempunyai kefahaman yang baik terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial.

Secara keseluruhannya, nilai min bagi tahap kefahaman keseluruhan adalah pada nilai 3.87, iaitu pada tahap tinggi. Dapatan kajian secara khusus menunjukkan hanya sebahagian kecil responden mempunyai tahap kefahaman yang sangat tinggi. Nilai min yang paling tinggi adalah pada nilai 4.20, iaitu merujuk kepada kenyataan berbau kebencian yang bertujuan untuk menimbulkan kemarahan pihak lain, memalukan pihak lain dan mencela pihak tertentu. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden memiliki tahap kefahaman yang tinggi terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial. Manakala, nilai min yang paling rendah pula adalah pada nilai 3.57, iaitu kenyataan berbau kebencian berkaitan dengan penghinaan terhadap institusi raja. Meskipun nilai min tersebut adalah paling rendah, namun ia masih lagi berada dalam kategori tinggi.

Situasi ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial. Tiada seorang pun responden yang mempunyai tahap kefahaman sederhana, rendah dan sangat rendah terhadap kenyataan berbau kebencian. Situasi ini menjelaskan bahawa pada dasarnya, masyarakat Malaysia hari ini telah mempunyai kefahaman yang baik tentang hal yang berkaitan dengan kenyataan berbau kebencian. Contohnya, sebahagian besar responden memahami bahawa kenyataan berbau kebencian adalah melibatkan penghinaan terhadap identiti individu, jantina, agama, etnik, institusi raja, ahli politik dan pemimpin. Dalam hal ini, Norena et al. (2023) menjelaskan bahawa kajian di Eropah oleh Bayer dan Bard (2020), Bleich (2017), Howard (2017) dan kajian di Asia oleh Husni (2019), Kang (2020), Morada (2021) dan Wan Mohd Nor dan Gale (2021) turut mendapati bahawa kenyataan berbau kebencian adalah berkaitan dengan agama, jantina, etnik dan kadangkala seksualiti. Perkara ini turut disokong oleh salah seorang informan FGD yang menjelaskan bahawa:

“...tapi saya rasa the hate speech yang probably mean is that when they comment probably dia sentuh kaum. Betul. I mean I'm not saying it but mungkin dia akan kata, China bla bla bla, Melayu ni melampau benda ini pun, benda kecil pun...”

Malah majoriti responden berpendirian bahawa kenyataan berbau kebencian akan menyasarkan kepada kumpulan agama, etnik dan warga asing tertentu. Hal ini selari dengan kajian Azman & Zamri (2022), beliau mendapati bahawa ucapan kebencian yang menyasarkan agama, etnik dan warga asing tertentu adalah isu global. Beliau memberi contoh isu ucapan kebencian ke atas komuniti Asia yang tinggal di Amerika dan United Kingdom.

Selain itu, sebilangan besar responden mempunyai tahap kefahaman yang sangat tinggi tentang tujuan mengeluarkan kenyataan berbau kebencian, iaitu untuk menimbulkan kemarahan dan memalukan pihak lain serta mencela pihak tertentu. Dapatan kajian ini seiring dengan kenyataan Neshkovska (2017) yang menjelaskan bahawa kenyataan berbau kebencian adalah bertujuan untuk mengaibkan, merendahkan dan memfitnah individu atau kumpulan individu yang tidak sehaluan. Majoriti responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi tentang perkara yang boleh dikategorikan sebagai kenyataan berbau kebencian adalah melibatkan serangan peribadi seseorang melalui media sosial, penghinaan terhadap agama dan tindakan mengutuk pihak lain. Hal ini diperakui oleh Mainack (2017) yang menjelaskan bahawa media sosial menyediakan ruang untuk wacana yang berbahaya kepada pihak tertentu, termasuklah buli siber, menerbitkan kandungan yang menyinggung perasaan dan mengeluarkan kenyataan berbau kebencian. Hal ini disokong oleh kenyataan dua orang informan FGD yang menegaskan bahawa buli siber termasuk dalam kategori kenyataan berbau kebencian.

Kebanyakan responden turut mencatatkan nilai min terendah dari aspek kefahaman apabila menyatakan bahawa kenyataan berbau kebencian adalah merangkumi penggunaan bahasa kasar, serangan lisan terhadap kumpulan minoriti dan penghinaan terhadap institusi raja. Walaupun nilai min tersebut adalah antara yang terendah, namun ia masih berada pada tahap kefahaman yang tinggi. Dalam konteks ini, bahasa kasar sering mengiringi penyebaran kenyataan berbau kebencian di media sosial dan kebiasaannya dikaitkan dengan kenyataan berbau kebencian (Rahmat et al., 2020).

Jadual 3. Analisis deskriptif tahap kefahaman masyarakat terhadap kenyataan berbaur kebencian di media sosial

| Bil. | Item | Min | SP | n | n | n | n | n | Tahap |
|--|---|------|-------|------------|-----------|------------|------------|------------|---------------|
| | | | | (%) | (%) | (%) | (%) | (%) | |
| | | | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| Kenyataan berbaur kebencian akan melibatkan... | | | | | | | | | |
| 1. | penggunaan bahasa kasar. | 3.71 | 1.270 | 80 (8.8) | 93 (10.3) | 140 (15.4) | 290 (32.0) | 304 (33.5) | Tinggi |
| 2. | sikap memperlekehkan pihak lain. | 3.82 | 1.182 | 77 (8.5) | 58 (6.4) | 94 (10.4) | 401 (44.2) | 277 (30.5) | Tinggi |
| 3. | perbuatan untuk menyakitkan hati pihak lain. | 3.76 | 1.256 | 75 (8.3) | 85 (9.4) | 145 (16.0) | 280 (30.9) | 322 (35.5) | Tinggi |
| 4. | penggunaan simbol tertentu (Hashtag, emoji, isyarat tangan, dsb) untuk menghina pihak lain. | 3.75 | 1.286 | 81 (8.9) | 90 (9.9) | 135 (14.9) | 270 (29.8) | 331 (36.5) | Tinggi |
| 5. | tindakan mengutuk pihak lain. | 3.89 | 1.158 | 71 (7.8) | 45 (5.0) | 104 (11.5) | 383 (42.2) | 304 (33.5) | Tinggi |
| 6. | penghinaan kepada identiti seseorang. | 3.82 | 1.166 | 81 (8.9) | 40 (4.4) | 104 (11.5) | 415 (45.8) | 267 (29.4) | Tinggi |
| 7. | penghinaan terhadap jantina seseorang. | 3.83 | 1.242 | 84 (9.3) | 67 (7.4) | 82 (9.0) | 358 (39.5) | 316 (34.8) | Tinggi |
| 8. | penghinaan terhadap agama. | 3.91 | 1.274 | 93 (10.3) | 37 (4.1) | 112 (12.3) | 284 (31.3) | 381 (42.0) | Tinggi |
| 9. | penghinaan terhadap etnik. | 3.73 | 1.281 | 78 (8.6) | 73 (8.0) | 211 (23.3) | 198 (21.8) | 347 (38.3) | Tinggi |
| 10. | penghinaan terhadap pemimpin. | 3.80 | 1.177 | 66 (7.3) | 49 (5.4) | 194 (21.4) | 291 (32.1) | 307 (33.8) | Tinggi |
| 11. | penghinaan terhadap ahli politik. | 3.84 | 1.257 | 88 (9.7) | 51 (5.6) | 119 (13.1) | 309 (34.1) | 340 (37.5) | Tinggi |
| 12. | penghinaan terhadap institusi Raja. | 3.57 | 1.375 | 118 (13.0) | 76 (8.4) | 198 (21.8) | 199 (21.9) | 316 (34.8) | Tinggi |
| 13. | manipulasi terhadap sesuatu fakta di media sosial. | 3.79 | 1.199 | 70 (7.7) | 54 (6.0) | 181 (20.0) | 289 (31.9) | 313 (34.5) | Tinggi |
| 14. | ugutan pada pihak lain. | 3.72 | 1.237 | 80 (8.8) | 70 (7.7) | 163 (18.0) | 302 (33.3) | 292 (32.2) | Tinggi |
| 15. | serangan lisan terhadap kumpulan minoriti. | 3.68 | 1.255 | 77 (8.5) | 87 (9.6) | 184 (20.3) | 263 (29.0) | 296 (32.6) | Tinggi |
| 16. | serangan peribadi melalui media sosial. | 3.92 | 1.253 | 79 (8.7) | 45 (5.0) | 141 (15.5) | 246 (27.1) | 396 (43.7) | Tinggi |
| 17. | serangan psikologi terhadap kumpulan kurang berkeupayaan. | 3.72 | 1.286 | 88 (9.7) | 68 (7.5) | 178 (19.6) | 247 (27.2) | 326 (35.9) | Tinggi |
| 18. | penafian hak asasi manusia. | 3.84 | 1.190 | 70 (7.7) | 41 (4.5) | 180 (19.8) | 285 (31.4) | 331 (36.5) | Tinggi |
| Kenyataan berbaur kebencian akan menyasarkan... | | | | | | | | | |
| 19. | kumpulan agama tertentu. | 4.11 | 1.039 | 23 (2.5) | 44 (4.9) | 175 (19.3) | 233 (25.7) | 432 (47.6) | Sangat tinggi |
| 20. | kumpulan etnik tertentu. | 4.05 | 1.034 | 27 (3.0) | 39 (4.3) | 183 (20.2) | 269 (29.7) | 389 (42.9) | Sangat tinggi |
| 21. | kumpulan warga asing tertentu. | 3.88 | 1.135 | 46 (5.1) | 43 (4.7) | 238 (26.2) | 224 (24.7) | 356 (39.3) | Tinggi |
| Kenyataan berbaur kebencian bertujuan untuk... | | | | | | | | | |
| 22. | menimbulkan kemarahan pihak lain. | 4.20 | 0.973 | 16 (1.8) | 62 (6.8) | 73 (8.0) | 326 (35.9) | 430 (47.4) | Sangat tinggi |
| 23. | memalukan pihak lain. | 4.20 | 1.075 | 43 (4.7) | 35 (3.9) | 87 (9.6) | 273 (30.1) | 469 (51.7) | Sangat tinggi |
| 24. | mencela pihak tertentu. | 4.20 | 0.956 | 19 (2.1) | 59 (6.5) | 50 (5.5) | 372 (41.0) | 407 (44.9) | Sangat tinggi |
| 25. | menjatuhkan maruah seseorang. | 4.09 | 0.994 | 22 (2.4) | 57 (6.3) | 107 (11.8) | 352 (38.8) | 369 (40.7) | Sangat tinggi |
| 26. | mencetuskan tingkah laku ganas. | 3.88 | 1.076 | 33 (3.6) | 92 (10.1) | 113 (12.5) | 384 (42.3) | 285 (31.4) | Tinggi |

* N = 907, Min keseluruhan = 3.87

*TK=Tahap Kefahaman

Kesimpulan

Kajian ini secara keseluruhan mendapati bahawa masyarakat Malaysia memiliki tahap kefahaman yang tinggi terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial. Namun tahap kefahaman yang positif sebegini tidak menggambarkan kesedaran sebilangan masyarakat untuk menghentikan lontaran ungkapan negatif sedemikian di platform maya media sosial. Justeru, pelbagai pendekatan perlu dirangka oleh pihak berautoriti bagi mengatasi isu ini. Umpamanya menggubal undang-undang baharu yang berkait secara khusus mengenai ucapan berbau kebencian, mengadakan kempen kesedaran yang lebih menyeluruh dan berterusan yang dapat mendidik masyarakat tentang bahaya kenyataan berbau kebencian di media sosial terutamanya. Semestinya penemuan kajian ini bukan sekadar menyumbang kepada literatur sedia ada, tetapi juga turut membuka ruang kepada pendekatan inovatif oleh pihak bertanggungjawab dalam menangani kenyataan berbau kebencian secara lebih berfokus kepada konteks digital bagi memastikan kestabilan dan keharmonian sosial dalam negara yang berbilang kaum dan agama terpelihara.

Penghargaan

Artikel ini ditulis berdasarkan kepada dapatan kajian daripada sebuah penyelidikan kami di peringkat nasional yang bertajuk: Kajian Mengenai Kenyataan Berbau Kebencian di Malaysia. Penyelidikan ini dijalankan bersama Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Justeru penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada IKLIN dan pembiaya kajian iaitu Kementerian Ekonomi di bawah peruntukan Rolling Plan Keempat Tahun 2024 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Penyelidikan ini dijalankan dalam tempoh enam (6) bulan bermula 7 Disember 2023 sehingga 6 Jun 2024.

Rujukan

Article 19. (2023). *Malaysia: Countering hate speech*. <https://www.article19.org/resources/malaysia-countering-hate-speech/>

Azman N. F, & Zamri N. A. K (2022). Conscious or Unconscious: The Intention of Hate Speech in Cyberworld—A Conceptual Paper. *Proceedings*, 82(1), 29.

Bayer, J., & Bard, P. (2020). Hate speech and hate crime in the EU and the evaluation of online content regulation approaches.

[https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2020/655135/IPOL_STU\(2020\)655135_EN.pdf](https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2020/655135/IPOL_STU(2020)655135_EN.pdf)

Bernama, (2024). *1,454 kandungan 3R dalam media sosial diturunkan setakat ini*. <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/1-454-kandungan-3r-dalam-media-sosial-diturunkan-s>

Bleich, E. (2017). Freedom Of Expression Versus Racist Hate Speech: Explaining Differences Between High Court Regulations In The USA and Europe. In Marcel, M. & Ralph, G. (Eds.), *Regulation of Speech in Multicultural Societies* (pp. 110–127). Routledge.

Delgado, R. (1982). Words that Wound: A Tort Action for Racial Insults, Epithets, and Name-Calling, *Harvard Civil Rights-Civil Liberties Law Review*, 17, 135-140. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2000918

Siti Aidah Lukin @ Lokin, Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis and Romzi Ationg, Budi Anto Mohd Tamring, Irma Wani Othman & Saifulazry Mokhtar. (2021). Kaedah dan cabaran dalam mengurus hubungan etnik di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 115-124. <https://eprints.ums.edu.my/27629/>

Farhana. (5 September 2024). 123 peratus isu 3R direkod pada suku pertama 2024. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/658602/berita/se-masa/123-peratus-isu-3r-direkod-pada-suku-pertama-2024>

Fernández, A.M. and Johan Farkas, J. (2021). Racism, Hate Speech, and Social Media: A Systematic Review and Critique. *Television & New Media*, 22(2), 205-224.

Hafiz Yatim. (13 Ogos 2010). Bakar gereja: Adik-beradik dipenjara 5 tahun. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/139946>

Hakim, L. (21 September 2023). Anti-Hate Speech law must be balanced with right to speech, say lawyers. *NST Online*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/958045/anti-hate-speech-law-must-be-balanced-right-speech-say-lawyers>

Hazlin Hassan, (27 September 2019). Death of Malaysian fireman injured during rioting at Hindu temple caused by unknown persons. *The Strait Times*. <https://www.straittimes.com/asia/se-asia/death-of-malaysian-fireman-injured-during-selangor-hindu-temple-rioting-caused-by-persons>

- Hoi, N. K., & Joh, T. S. (2023). Exploring the social and cultural implications of hate speech on Facebook in Malaysia. *Sains Humanika*, 16(1), 19–31.
- Howard, E. (2017). *Freedom Of Expression and Religious Hate Speech In Europe*. Routledge
- Husni, H. (2019). Moderate Muslims' Views on Multicultural Education, Freedom Of Expression, And Social Media Hate Speech: An Empirical Study In West Java Indonesia. *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, 7(2), 199–224.
- Ismail, M.M. (2020). Dinamika integrasi politik melalui kerjasama politik di Malaysia: Teras kepada tapak integrasi masyarakat multi-etnik. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 47(3), 332-358.
- Jalli, N. (2024). *Disinformation and hate speech: Ethnoreligious rhetoric on TikTok during Malaysia's 15th general election (GE15) 2022*. <https://shareok.org/handle/11244/340152>
- Kambol, R. (2023). Menangani isu-isu sensitif berkaitan, agama, bangsa dan institusi raja (3R) dalam politik melalui pendekatan undang-undang: Suatu penilaian semula. *Journal of Law and Governance*, 5(1), 86-104.
- Kang, M., Lee, J., & Park, S. (2020). *Meta-Analysis on Hate Speech Studies in South Korea. In Hate Speech in Asia and Europe*. Routledge
- Kasim, A., & Awan Ismail, C. W. (2022). Etika dan peraturan media sosial: Kajian sekatan facebook terhadap media di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 296-314.
- Khan, H. W., Fatima, M. F., Sheikh, M. K., & Ahmed, M. K. (2023). Hate speech and ridiculing Islam: An overview in the context of freedom of expression. *Journal of Positive School Psychology*, 1233-1250.
- Kok, T. (2023, June 21). Fight hate speech: Need for strong laws, education. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/669481>
- Macklin, G. (2019). *The Christchurch Attacks: Livestream Terror in the Viral Video Age. Combating terrorism center*. Combating Terrorism Center. <https://ctc.westpoint.edu/christchurch-attacks-livestream-terror-viral-video-age/>.
- Mainack, M. (2017). A Measurement Study of Hate Speech in Social Media. *HT'17: Proceedings of the 28th ACM conference on Hypertext and social media*, 85-94. <https://vbn.aau.dk/en/publications/proceedings-of-the-28th-acm-conference-on-hypertext-and-social-me>
- Matsuda, M.J. (1989). Public Response to Racist Speech: Considering the Victim's Story, *Michigan Law Review*, 8, 2320-2381. <https://repository.law.umich.edu/mlr/vol87/iss8/8>
- Mayasari, L. D., & Cahya, A. A. (2021). Hate Speech in Maqasid Sharia Perspective. *Jurnal Hukum dan Sosial*, 1(1), 1-24.
- Mohamed Farid Noh. (16 Februari 2020). Suspek pijak al-Quran, hina Islam direman tiga hari. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/656066/suspek-pijak-al-quran%C2%A0hina-islam-direman-tiga-hari>
- Morada, N. M. (2021). Myanmar. *Journal of International Peacekeeping*, 24(3–4), 428–466.
- Multicultural NSW. (2023). *Remove Hate From The Debate*. <https://multicultural.nsw.gov.au/community-resilience/remove-hate-from-the-debate/>
- Nakamura, D. (2023). Gunman sentenced to life in prison for Buffalo massacre of Black victims. *The Washington Post*. <https://www.washingtonpost.com/national-security/2023/02/15/buffalo-shooting-gendron-sentencing/>
- Neshkovska, S. & Trajkova, Z. (2018). The Essential of Hate Speech. *The international Journal of Education*, 16(1), 71-80.
- Neshkovska, S. (2017). The Essentials of Hate Speech. *International journal of Education Teacher*, 14, 71-79.
- Norena Abdul Karim Zamri, NurNasliza Arina Mohamad Nasir, Mohammad Nurhafiz Hassim & Syaza Marina Ramli (2023) Digital hate speech and othering: The construction of hate speech from Malaysian perspectives, *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), 2229089, DOI: 10.1080/23311983.2023.2229089
- Rahim, R. A., Razak, M. I. A., & Pawi, A. A. (2022). Hujah Perbincangan Peristiwa Bom Bali Dalam Sorotan: Satu Analisis Dari Perspektif Islam. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 33(2), 1–20. <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.4116>
- Rahmat Hendrawan, A & Said A. F. (2020). Multilabel Classification of Hate Speech and Abusive Words on Indonesian Twitter Social Media. *International Conference on Data Science and Its Applications (ICoDSA)*, Bandung, Indonesia, 1-7. <https://doi.org/10.1109/ICoDSA50139.2020.9212962>
- The Centre (2019). *Malaysia Perlu Pendekatan Baru Untuk Tangani Masalah Ucapan Kebencian*. <https://www.centre.my/post/pendekatan-baru-tangani-ucapan-kebencian>.

The European Commission Against Racism and Intolerance. (2016). *ECRI general policy recommendation no. 15 on combating hate speech*. <https://rm.coe.int/ecri-general-policy-recommendation-no-15-on-combating-hate-speech/16808b5b01>

Tontodimamma, A., Nissi, E., Sarra, A. (2021). Thirty years of research into hate speech: Topics of interest and their evolution. *Scientometrics*, 126, 157–179. <https://doi.org/10.1007/s11192-020-03737-6>

United Nations. (2019). *UN Strategy and Plan of Action on Hate Speech*. <https://www.un.org/en/genocideprevention/documents/UN%20Strategy%20and%20Plan%20of%20Action%20on%20Hate%20Speech%2018%20June%20SYNOPSIS.pdf>

United Nations. n.d. *Hate Speech*. <https://www.un.org/en/hate-speech/understanding-hate-speech/what-is-hate-speech#:~:text=To%20provide%20a%20unified%20framework,person%20or%20a%20group%20on>

Waldron, J. (2012). *The Harm in Hate Speech*. Harvard University Press.

Walker, T. (2023, August 30). Analysts: Hate speech normalized during Malaysia elections. *Voice of America*. <https://www.voanews.com/a/analysts-hate-speech-normalized-during-malaysia-elections-/7247592.html>

Wan Mohd Nor, M., & Gale, P. (2021). Growing Fear Of Islamisation: Representation Of Online Media In Malaysia. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 41(1), 17–33.

Wordpress. (22 April 2019). Serangan Bom Di Sri Lanka Dan Kesannya Terhadap Keselamatan Negara. *Wordpress*. <https://seribuombak.wordpress.com/2019/04/22/serangan-bom-di-sri-lanka-dan-kesannya-terhadap-keselamatan-negara/>

Yusof, F., & Hassan, M. S. (2020). Kes penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong di media sosial: Tindakan dan penguatkuasaan undang-undang dalam kebebasan bersuara. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 127-142.

Zamri, N. A. K., Mohamad Nasir, N. A., Hassim, M. N., & Ramli, S. M. (2023). Digital Hate Speech And Othering: The Construction Of Hate Speech From Malaysian perspectives. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1). <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2229089>